

## **KEPERLUAN HUKUMAN ALTERNATIF TERHADAP PENYELESAIAN KRISIS AKHLAK DI MALAYSIA; ANALISIS PENDEKATAN UNDANG-UNDANG SYARIAH**

**Adibah Bahori<sup>3</sup>, (Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Ismail<sup>4</sup>, Nik Khazarita  
Nik MD Khalib<sup>5</sup>)**

*<sup>1</sup>Adibah Bahori  
putriaufa@yahoo.com*

*(<sup>2</sup>Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Ismail)  
szubaida@um.edu.my*

*(<sup>3</sup>Nik Khazarita Nik MD Khalib)  
khazarita@kpwkm.gov.my*

### **ABSTRAK**

Masyarakat di Malaysia pada hari ini dicemari dengan pelbagai krisis akhlak merangkumi tingkahlaku dan perbuatan tidak bermoral seperti berkelakuan tidak sopan di tempat awam, kesalahan khalwat, persetubuhan luar nikah dan zina yang akhirnya menyebabkan kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi. Kesalahan jenayah syariah membabitkan tatasusila atau akhlak merupakan kategori kesalahan yang sering mendapat perhatian jika dibandingkan dengan kategori lain. Hukuman yang terhad di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Malaysia sering kali diperdebatkan kerana dilihat gagal memberikan impak positif sama ada kepada pesalah mahupun kepada masyarakat. Justeru, pelaksanaan hukuman alternatif dapat memberi pilihan kepada mahkamah syariah dalam menghadapi kekangan bentuk hukuman sedia ada dengan matlamat untuk memulihkan pesalah berbanding menghukum mereka semata-mata. Kajian ini dibuat bagi mencari penyelesaian terhadap krisis akhlak melalui pendekatan hukuman alternatif di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah seperti perintah pemulihan dan hukuman khidmat masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian mendapati pelaksanaan perintah pemulihan dan khidmat masyarakat wajar direalisasikan serta dilihat mampu memberi implikasi positif bukan sahaja terhadap pesalah, malah terhadap masyarakat dan institusi kehakiman. Persoalannya, sejauhmana implementasi atau pelaksanaan perintah tersebut digunakan dalam institusi Mahkamah Syariah di Malaysia.

Kata kunci: Hukuman Alternatif, Krisis akhlak, Undang-undang Syariah

### **PENGENALAN**

Akhlak penting sebagai indikator atau kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa (Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid,

---

<sup>3</sup>Pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>4</sup>Pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>5</sup>Pegawai Syariah Unit Penasihat Undang-undang, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Norul Huda Bakar. 2015). Ukuran kepada kemajuan sesebuah masyarakat dan negara perlu bersandarkan kepada indikator seperti penghayatan nilai murni, akhlak mulia dan etika ketamadunan yang baik. Ia merangkumi peningkatan taraf sosial masyarakat berkaitan aspek keagamaan, moral dan pengamalan gaya hidup sihat yang disulami dengan kefahaman dan penghayatan yang baik meliputi rohani, jasmani, emosi serta intelek yang seimbang (Abdul Majid Omar, 2012). Pendekatan pencegahan yang digunakan dalam menangani krisis ini perlu dilakukan secara holistik meliputi pelbagai aspek seperti mengarusperdanakan pendidikan agama (Mohd Kamal Hassan, 2012) pendekatan agama dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, psikologi, perundangan dan sebagainya (Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid, Norul Huda Bakar, 2015).

Masalah remaja mengandung anak luar nikah menjadi satu kebimbangan besar dunia sama ada di negara Islam atau bukan Islam. Selain melibatkan keraguan tentang sah taraf anak, dalam jangka waktu yang lebih panjang ianya akan menjejaskan kebajikan anak (Zanariah Noor, 2010) tersebut daripada sudut keperluan fizikal seperti nafkah dan stigma masyarakat yang prejudis terhadap status anak berkenaan. Masalah ini wajar menjadi kebimbangan besar kerana kelahiran anak luar nikah merupakan gambaran kepada kemuncak kritikal masalah sosial. Ia merupakan kerosakan akhlak yang paling serius dalam masyarakat kerana secara terang bertentangan dengan tuntutan Islam dalam memelihara maqasid syariah.

Dalam konteks pelaksanaan hukuman terhadap pesalah muda di Malaysia, Mohd. Al-Adib Samuri mempunyai pandangannya yang tersendiri. Menurutnya mahkamah di Malaysia cenderung menjatuhkan hukuman terhadap pesalah juvana dengan menggunakan teori pencegahan berbanding pemulihan. Beliau menganggap kecenderungan tersebut merupakan kesilapan yang perlu diperbaiki kerana ia didapati masih gagal dalam memulihkan pesalah kanak-kanak bahkan berlakunya peningkatan dan kadar jenayah dari semasa ke semasa. Hal ini kerana, matlamat utama teori pencegahan bukan bertujuan untuk memulihkan pesalah, sebaliknya bermatlamat untuk mencegah orang lain dari melakukan kesalahan yang sama. Menurut beliau lagi, hukuman pencegahan tersebut tidak sesuai diaplikasikan kepada kanak-kanak memandangkan kapasiti akal mereka yang berbeza serta kelemahan dari sudut teori dan aplikasinya (Mohd. Al-Adib Samuri dan Noor Aziah Mohd. Awal, 2009). Justeru itu, artikel ini menjelaskan keperluan dan kepentingan melalui pendekatan perintah pemulihan termasuklah hukuman perintah khidmat masyarakat. Perintah ini merupakan sebahagian alternatif terhadap pengukuhan pelaksanaan hukuman di institusi Mahkamah Syariah di Malaysia menurut kerangka perundangan syariah dalam menyelesaikan krisis akhlak di Malaysia.

## **SENARIO KRISIS AKHLAK DI MALAYSIA**

Akhlak mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan kehidupan kerana setiap tingkah laku dan perlakuan yang ditonjolkan adalah bergantung kepada bagaimana akhlak seseorang tersebut. Akhlak juga penting dalam memelihara maqasid syariah kerana kebanyakan tingkahlaku yang membawa kepada kerosakan akhlak pada hari ini telah merosakkan maruah, nasab dan nyawa seperti zina, hamil luar nikah dan buang bayi. Kajian-kajian terdahulu

menunjukkan bahawa usia penglibatan remaja dalam tingkah laku seks berisiko kini semakin awal iaitu bermula sejak kanak-kanak lagi. Ramai di kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di negara-negara membangun terlibat dengan hubungan seks sebelum umur mereka 15 tahun (Dixon-Mueller, R., 2009). Penglibatan remaja dalam aktiviti seksual pada usia yang muda boleh menyebabkan kemudaratan kepada emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak (Jejeebhoy, S. J., Shah, I. & Thapa, S., 2005) terutama kepada kanak-kanak atau remaja perempuan (Hindin, M.J. & Fatusi, A.O. 2009).

Oleh itu, keruntuhan akhlak dalam kalangan generasi muda ini, sekiranya tidak dibendung di peringkat awal kanak-kanak dan diawasi akan melahirkan generasi yang tidak bermoral (Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid, 2008). Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk membentuk sahsiah dan mengurangkan masalah sosial yang melanda masyarakat kini. Di samping itu, kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) juga memainkan peranan yang penting bagi memulihkan remaja yang terlibat dalam masalah sosial ini. Pelbagai institusi pemulihan dan pusat perlindungan (Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Zanariah Dimon, Nurul Husna Mohd Jabar, 2016) ditubuhkan untuk memulihkan mereka yang mempunyai masalah sosial. Antara institusi yang ditubuhkan ialah Raudatus Sakinah dan Bela Insan yang terletak di Kuala Lumpur, Darul Islah di Sg. Air Tawar Sabak Bernam, serta Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Rumah Ikhtiar yang terletak di Selangor. Oleh itu, tindakan atau langkah-langkah yang sistematik perlu dilakukan dan digandakan agar perlindungan terhadap maqasid syariah terus terpelihara.

## **PESALAH KANAK-KANAK: PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA**

Definisi ‘kanak-kanak’ di bawah Akta Kanak-kanak 2001 iaitu seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan (Akta 574); Seksyen 2, Akta Kanak-kanak 2001. Perundangan syariah bidang kuasanya hanya terhadap mereka yang menganut agama Islam termasuk golongan kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah syariah. Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) pula bidang kuasanya tidak merangkumi terhadap kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah syariah walaupun merupakan satu-satunya perundangan eksklusif untuk mereka. Istilah “kanak-kanak” contohnya, hanya ditemui dalam sesetengah enakmen jenayah syariah negeri-negeri. (Istilah kanak-kanak disebut dalam semua enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia kecuali di Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang) (Anita Abdul Rahim & Wafaa’ Yusof, 2012).

Istilah pesalah muda atau remaja tidak diperuntukkan dalam perundangan jenayah syariah negeri-negeri, sebaliknya istilah “baligh” ditakrifkan dan kedudukan kanak-kanak yang belum baligh dijelaskan dalam perundangan tersebut. Namun, ketidakselarasan peruntukan yang ada dalam dua perundangan berkaitan keadilan jenayah kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang ini telah menyulitkan penguatkuasaan dan pelaksanaan

undang-undang tersebut dalam sistem perundangan dan kehakiman jenayah syariah negeri-negeri (Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, 2012).

### **Peruntukan Undang-undang berkaitan Pesalah Muda atau Remaja**

Pesalah muda dalam enakmen tatacara jenayah syariah adalah berbeza dengan pesalah muda yang diperuntukkan dalam Kanun Prosedur Jenayah. Pesalah muda menurut Kanun Prosedur Jenayah ialah seseorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang boleh dihukum denda atau penjara yang berumur 18 tahun atau lebih dan di bawah umur 21 tahun (Seksyen 2, Kanun Prosedur Jenayah(Akta 593). Kanun Prosedur Jenayah bidang kuasanya terhadap kes yang melibatkan pesalah muda dan mengaplikasikan tatacara jenayah yang sama dengan pesalah dewasa. Pengendalian tangkapan, geledah, siasatan, tahanan, pertuduhan dan pendakwaan terhadap mereka tidak dibezakan dengan pesalah dewasa. Mereka dibicarakan di mahkamah awam dan bukannya di mahkamah kanak-kanak. Malah, mereka tertakluk pada jenayah dan hukuman yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan Malaysia.

### **Pelaksanaan Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia**

Secara faktanya, kanak-kanak berhak mendapat keadilan pada setiap bentuk hukuman yang dikenakan ke atasnya sebagai membuktikan badan kehakiman turut mengutamakan kepentingan kanak-kanak dalam mengeluarkan perintah dan hukuman. Pemakaian teori hukuman pemulihan oleh mahkamah jika pesalah merupakan seorang kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dan melakukan jenayah yang tidak dikategorikan berat. Berdasarkan penelitian Mohd Al-Adib Samuri, teori pemulihan adalah yang terbaik, berbanding teori pencegahan dalam merawat pesalah kanak-kanak. Hukuman pencegahan dilihat tidak merawat tingkahlaku delinkuen mereka, sebaliknya sekadar menghukum mereka tanpa melihat kompenan dalam diri pesalah itu. Menurut beliau lagi, penegasan ini dijustifikasikan dalam beberapa aspek iaitu diri pesalah kanak-kanak dan kelemahan hukuman pencegahan. Justeru, pemulihan sebagai satu bentuk hukuman yang terbaik dan sesuai untuk pesalah kanak-kanak. Hukuman pemulihan termasuklah penahanan di pusat pemulihan atau sekolah pemulihan, khidmat masyarakat, perintah percubaan, parol, restitusi, kaunseling dan sebagainya.

### **PENDEKATAN UNDANG-UNDANG SYARIAH TERHADAP KRISIS AKHLAK DI MALAYSIA**

Melalui penelitian Siti Zubaidah Ismail (Siti Zubaidah Ismail, 2013) dalam merujuk kepada Fuqaha' seperti Ibn Abidin dan Ibn Humman menjelaskan bahawa kesiksaan ataupun hukuman wajar dilihat sebagai satu mekanisme pencegahan daripada melakukan sesuatu kesalahan dan pembalasan selepas melakukannya. Ini selaras dengan pandangan Dr.Yusuf Al-Qardhawi (Yusuf Al-Qardhawi, 2012) berhubung peranan masyarakat terhadap akhlak secara perlindungan melalui undang-undang. Bidang kuasa yang dimiliki Mahkamah Syariah dalam memutuskan sesuatu keputusan berkaitan kesalahan jenayah pada hari ini tertakluk pada Akta Mahkamah Syariah (1965) Pindaan 1984.

Berdasarkan seksyen 2 Akta ini, bidang kuasa Mahkamah Syariah dari sudut skop kesalahan dan bentuk hukuman adalah seperti yang berikut:

Mahkamah syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam suatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Berdasarkan peruntukan tersebut, hukuman maksimum sering kali dipersoalkan kerana dilihat gagal memberikan impak positif sama ada kepada pesalah mahupun kepada masyarakat. Walaupun demikian, hakim syarie mempunyai beberapa ruang peruntukan untuk melaksanakan hukuman lain (Jasri Jamal, Hasnizam Hashim, 2016) selain daripada hukuman tersebut dengan menggunakan kuasa budi bicara yang telah digariskan. Merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, hakim diberi kuasa budi bicara dalam memperuntukkan hukuman terhadap pesalah kali pertama, pesalah wanita atas kesalahan tatasusila, pengakuan salah menafikan rayuan, mitigasi, pesalah muda atau kanak-kanak, sabitan terdahulu dan semakan semula pada peringkat rayuan. Kesan peruntukan tersebut telah memberikan ruang kepada hakim untuk meringankan hukuman sedia ada atau menggantikan dengan hukuman lain. Hukuman lain yang dimaksudkan ialah hukuman alternatif seperti “pelepasan selepas teguran wajar”, bon berkelakuan baik (<http://selangor.kehakiman.gov.my/?q=node/238>), perintah pemulihan dan mungkin juga boleh dimuatkan dengan hukuman perintah khidmat masyarakat. Oleh itu, setiap hukuman yang berada di bawah budi bicara hakim tersebut dapat dikategorikan sebagai bentuk hukuman alternatif. Maksudnya hakim mempunyai kuasa untuk menentukan cara lain dalam memutuskan suatu penghukuman selagi tidak melebihi had maksimum hukuman yang ditetapkan oleh Akta Mahkamah Syariah.

Melalui perbincangan di atas, maka keperluan kepada hukuman alternatif dalam menyelesaikan krisis akhlak perlu dikuatkuasakan oleh institusi Mahkamah Syariah di Malaysia agar matlamat penghukuman tercapai. Hal ini selaras dengan pandangan Siti Zubaidah Ismail bahawa hukuman alternatif yang sesuai ialah perintah khidmat masyarakat (Siti Zubaidah Ismail, 2011). Tambahan lagi, hukuman perintah khidmat masyarakat dapat dianggap sebagai satu hukuman alternatif yang diakui oleh para sarjana sebagai hukuman terbaik dalam memulihkan pesalah.

## **BIDANGKUASA DAN PERUNTUKAN PERINTAH PEMULIHAN DI BAWAH ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH**

Perintah pemulihan adalah salah satu bentuk hukuman yang selaras dengan prinsip asas dan objektif hukuman dalam Islam. Ia bertujuan untuk menjaga masalah manusia dan merupakan suatu bentuk hukuman yang bukan hanya dapat menghukum pesalah tetapi merupakan suatu bentuk pendidikan dan proses tarbiyyah diri. Pendekatan dan bentuk hukuman takzir yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah pada masa kini perlu dipelbagaikan sesuai dengan perubahan zaman yang menuntut kepada kepelbagaian mekanisme dalam mencapai keadilan (Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997). Bentuk hukuman yang dibuat melalui perintah pemulihan seperti ini merupakan suatu pendekatan yang baik dan amat penting dalam usaha untuk menimbulkan rasa keinsafan dan kesedaran diri yang tinggi di kalangan pesalah-pesalah supaya tidak lagi mengulangi kesalahan.

Merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, hakim diberi kuasa budi bicara dalam memperuntukkan hukuman terhadap pesalah kali pertama, pesalah wanita atas kesalahan tatasusila, pengakuan salah menafikan rayuan, mitigasi, pesalah muda (Seksyen 2, Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) atau kanak-kanak, sabitan terdahulu dan semakan semula pada peringkat rayuan. Kesan peruntukan tersebut telah memberikan ruang kepada hakim untuk meringankan hukuman sedia ada atau menggantikan dengan hukuman lain. Hukuman lain yang dimaksudkan ialah hukuman alternatif seperti “pelepasan selepas teguran wajar”, bon berkelakuan baik, dan perintah pemulihan.

Menerusi Enakmen Jenayah Syariah Selangor (EJSS) 1995, peruntukan yang berkaitan hukuman alternatif dalam konteks perintah pemulihan disebut dalam Seksyen 53 dan 54(2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.9 Tahun 1995 (EJSS 2003). Seksyen tersebut telah memberi pilihan kepada mahkamah untuk melaksanakan perintah pemulihan kepada pesalah wanita. Penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan adalah merujuk kepada seksyen 53 yang menjelaskan;

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta menetapkan mana-mana tempat menjadi pusat pemulihan diluluskan bagi maksud Enakmen ini.

Manakala kuasa mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan atau rumah diluluskan disebut di bawah Seksyen 54 (2) menjelaskan bahawa:

Jika mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang perempuan itu dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Peruntukan seksyen 54(2) enakmen ini menjelaskan tentang kuasa mahkamah untuk memerintahkan pesalah perempuan yang disabitkan kesalahan berhubung dengan kesusilaan seperti yang diperuntukkan dalam enakmen tersebut bermula daripada seksyen 22 sehingga seksyen 31. Oleh itu, pesalah wanita tersebut akan ditempatkan di suatu rumah yang mungkin boleh ditafsirkan sebagai pusat pemulihan akhlak atau pusat kebajikan seperti yang dimaksudkan dalam seksyen 53.

Secara umumnya, peruntukan berkaitan penubuhan pusat pemulihan bagi pesalah untuk menjalani bimbingan moral telah termaktub dalam peruntukan undang-undang bagi setiap negeri, namun masih banyak negeri yang belum merealisasikan kehendak peruntukan tersebut (Siti Zubaidah Ismail, 2011). Walau bagaimanapun, di negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menubuhkan pusat pemulihan, iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam khusus untuk pesalah wanita yang disabitkan dengan kesalahan tatasusila termasuklah wanita yang didapati hamil luar nikah. Tujuan utama penubuhan pusat perlindungan ini adalah untuk memberikan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, latihan bimbingan, kaunseling, kemahiran bersepadu dan kemudahan latihan vokasional yang terbaik kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial. Hal ini selaras dengan kehendak maksud seksyen 53 & 54 (2) Enakmen, Jenayah Syariah Selangor 1995 (Anon, 2006).

Modul aktiviti yang dilalui oleh pesalah yang menjalani perintah khidmat masyarakat pula berbeza. Melalui penelitian Arifah Rahimah Ismail, pesalah dikehendaki melakukan kerja kebajikan yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat awam seperti kerja pertukangan, pemuliharaan alam sekitar atau aktiviti kemasyarakatan (Arifah Rahimah Ismail & Mohd Al-Adib Samuri, 2014). Jelas beliau lagi, walaupun begitu, peruntukan berkaitan perintah khidmat masyarakat tidak ada di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (EKJS), hanya sekadar memperuntukkan hukuman berbentuk pemulihan seperti pengkomitan ke pusat pemulihan serta bon berkelakuan baik.

Walubagaimanapun dalam konteks amalan dan pelaksanaan program di institusi perlindungan dan pemulihan di Malaysia, aktiviti penanaman sikap bertanggungjawab dalam diri kanak-kanak dan remaja (pesalah) sangat rendah. Selaras dengan itu, berdasarkan hasil dapatan kajian oleh Siti Balqis mencadangkan beberapa tindakan intervensi yang boleh diambil bagi menerapkan amalan restoratif ke dalam perkhidmatan perlindungan dan pemulihan awam di Malaysia antaranya penanaman sikap bertanggungjawab dalam diri pesalah, pembangunan kompetensi dan rundingan-pemuafakatan awam (*community safety*) (Siti Balqis Mohd Azam, t.th).

## **ANALISIS KEPERLUAN HUKUMAN ALTERNATIF TERHADAP PENYELESAIAN KRISIS AKHLAK DI MALAYSIA**

Melihat kepada kepentingan perintah pemulihan dan khidmat masyarakat, secara tidak langsung memberi ruang kepada pesalah-pesalah untuk memperbaiki diri (Awang Armadajaya Awang Mahmud, 2013) supaya menjadi warga yang patuh terhadap undang-undang dan hukum Syarak. Selain itu, menjadi tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi

memelihara kemaslahatan masyarakat. Ianya merupakan suatu bentuk pendidikan kepada pesalah-pesalah supaya mereka dapat dibentuk menjadi insan yang berguna menerusi ilmu pengetahuan yang disampaikan, pengalaman-pengalaman baru melakukan kerja-kerja kebajikan dan sebagainya. Seterusnya, perintah pemulihan dan perintah khidmat masyarakat juga mampu meningkatkan fungsi masjid. Ini dapat dilihat menerusi penglibatan anggota masyarakat dalam proses pemulihan pasti dapat meningkatkan rasa tanggungjawab sosial di kalangan masyarakat. Sebagai contoh, imam-imam serta ahli jawatankuasa masjid yang dilantik dan diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri dapat membantu dan berganding bahu dalam memberikan komitmen terhadap proses pemulihan pesalah-pesalah. Ini secara tidak langsung akan dapat mendekatkan pesalah-pesalah dengan anggota masyarakat melalui kerja sosial yang dijalankan. Seterusnya beban dan tanggungan kewangan kerajaan yang tinggi akibat daripada pembiayaan makanan kepada banduan dan hal ehwal pengurusanannya dapat dijitamkan (Abas Nordin, 2015). Namun begitu tanggungjawab pemulihan dapat difokuskan secara pendekatan Islam oleh MAIN, JAIN dan masjid serta dibantu oleh NGO Islam secara efektif. Produktiviti pesalah dapat ditingkatkan dengan mendedahkan beliau kepada persekitaran yang memupuk semangat berdikari.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian dan perbincangan yang telah dinyatakan di atas, hukuman penjara dan denda bagi kesalahan syariah terutama dalam membincangkan krisis akhlak melibatkan kanak-kanak dan remaja masih kurang berkesan dalam menangani dan mencegah kesalahan daripada berlaku. Hukuman penjara ternyata dapat menakutkan pesalah semasa pesalah berada di dalam penjara sahaja manakala hukuman denda pula langsung tidak menggentarkan pesalah kerana mereka merasakan bahawa mereka boleh melepaskan diri setelah membayar denda. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk menyeragamkan dan merealisasikan perintah pemulihan serta cadangan perintah khidmat masyarakat di setiap negeri di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah supaya kesalahan berkaitan tatasusila terutama kesalahan hamil dan kelahiran anak luar nikah dapat dicegah. Hukuman alternatif ini lebih berorientasikan pemulihan pesalah berbanding menghukum mereka semata-mata. Ia menepati konsep *Maqasid al-Syariah* dalam memperbaiki diri pesalah. Melihat kepada isu ini, penulis berpandangan bahawa penguatkuasaan pelaksanaan perintah pemulihan dan khidmat masyarakat di bawah peruntukan undang-undang boleh digunakan sebagai medium terbaik dalam menangani krisis akhlak di Malaysia.

## **RUJUKAN**

Abdul Majid bin Omar Timbalan Mufti Selangor, 2012. Kertas kerja ini dibentangkan pada Kempen 'Sah Nikah, Sah Nasab', anjuran Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM, 18 Mac 2013, di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor. 1.



- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 10.
- Anita Abdul Rahim, Wafaa' Yusof. 2012. Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakteraturan Dalam Enakmen Jenayah Syariah Dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Di Malaysia. *KANUN* 24(1): 5.
- Arifah Rahimah Ismail & Mohd Al-Adib Samuri. 2014. Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah. *KANUN* 26(2): 204.
- Awang Armadajaya bin Awang Mahmud. Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara. 2013. *Hukuman Alternatif: Satu Perbandingan di antara Mahkamah Sivil dan Syariah*. Konvensyen Perundangan Syariah. Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan bertempat di Bangunan SUK Seremban pada 6 Mac 2013, hlm. 25-26.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid, Norul Huda Bakar. 2015. *Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang Sebagai Benteng Menanganinya*. E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi Jilid II, Isu I (2015) 1 – 18 e-ISSN 2289 – 7909:3.
- Braithwaite, J. (2000). Restorative Justice and Social Justice. *Saskatchewan Law Review*, 63(1), 185-194.
- Dixon-Mueller, R. 2009. Starting young: Sexual initiation and HIV prevention in early adolescence. *AIDS Behavior*, 13, 100-109.
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid. 2008. Seminar Kaunseling Keluarga. *Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga; Isu dan Cabaran*. Johor Baharu: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hindin, M.J. & Fatusi, A.O. 2009. Adolescent Sexual and Reproductive Health in Developing Countries: An Overview of Trends and Interventions. *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, 35 (2), 58-62.
- Jasri Jamal, Hasnizam Hashim. 2016. Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-negeri. *Malaysian Journal Of Syariah And Law*. ISSN: 1985-7454 Volume 4, 2016.
- Jejeebhoy, S. J., Shah, I. & Thapa, S. 2005. *Sex without consent: Young people in developing countries*. Zed Books, New York; London.
- Mohd Al Adib Samuri & Noor Aziah Mohd Awal (2009). Hukuman terhadap pesalah kanak-kanak di Malaysia: pencegahan atau pemulihan?. *Jurnal Undang-Undang*, 13, 35-54.  
<http://selangor.kehakiman.gov.my/?q=node/238>
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Zanariah Dimon, Nurul Husna Mohd Jabar. 2016. *Kaedah Menangani Masalah Sosial Di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS): Analisa Pendekatan Al-Quran*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016)
- Prof. Ulung Dr. Mohd Kamal Hassan. 2012. *Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam*. Kertas kerja yang dibentangkan semasa Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem

- Pendidikan Islam di Malaysia pada 5 Jun 2012 dianjurkan oleh Dewan Amal Islami (DAMAI) bertempat di Kuala Lumpur.
- Siti Balqis Mohd Azam. *Amalan Restoratif Dalam Program Perlindungan dan Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah di Malaysia*. The Malaysian Journal of Social Administration, 12: 100-135
- Siti Zubaidah Ismail, "Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah" dlm. *Shariah Law Report* 4, hlm. 25, 2011.
- Siti Zubaidah Ismail. 2013. *Dasar dan Amalan Penghukuman Kes Jenayah di Mahkamah Syariah: Ke mana halatuju?* JH 27 Bhg 1 1430H.
- Yusuf Al-Qardhawi, Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islamyang Kita Idamkan, terj. Ustaz Mohamaz Zaini Yahaya (Penerbitan Seribu Dinar, 2012), 137.
- Zanariah Noor. 2010. *Aplikasi Prinsip Kebajikan Kanak-Kanak Dalam Kes Hadanah*. Malaysian Journal Of Syariah And Law Vol.2/2010. Artikel ini adalah berasaskan kepada kertas kerja yang pernah dibentangkan di Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak pada tarikh 21 – 22 Julai 2004, anjuran Jabatan Kerja Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia.

## STATUT

- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995  
Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)  
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997  
Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004  
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997  
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariaiah (Negeri Pulau Pinang) 1996  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014  
Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Negeri Perlis) 1991  
Enakmen Jenayah (Syariah) Negeri Perak 1992  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995  
Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003  
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001  
Seksyen 2, Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560).